**WARTA KERAJAAN**

**PUSAT INFORMASI - WARTA KERAJAAN - P.U. (A) 542**

AKTA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA 1996
PERATURAN-PERATUAN PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (PENUTUPAN) 1997

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 88 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. (1) Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Penutupan) 1997.

   (2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1998.

2. (1) Notis tentang niat untuk menutup yang disebut di bawah subseksyen 60(1) Akta hendaklah:

   a. diberikan kepada Ketua Pendaftar oleh ketua eksekutif sesuatu institusi pendidikan tinggi swasta dalam Borang A sebagaimana yang terkandung dalam Jadual;

   b. disampaikan melalui surat berdaftar Akuan Terima kepada pelajar institusi pendidikan tinggi swasta itu dalam Borang B sebagaimana yang terkandung dalam Jadual; dan

   c. disiarkan dalam akhbar dalam Borang C sebagaimana yang terkandung dalam Jadual, sekurang-kurangnya satu dalam bahasa kebangsaan dan satu lagi dalam apa-apa bahasa lain selama tiga hari berturut-turut.

   (2) Borang B dan C hendaklah juga hendaklah juga digunakan bagi penutupan yang disebut di bawah subseksyen 60(3) Akta.

3. (1) Lembaga Pengarah hendaklah:

. dalam masa empat belas hari dari tarikh institusi pendidikan tinggi swasta ditutup membuat apa-apa perkiraan yang disebut di bawah perenggan 61(a) Akta; dan

   a. memberitahu Ketua Pendaftar mengenai perkiraan yang dibuat di bawah perenggan (a) di atas dalam masa satu bulan dari tarikh perkiraan itu dibuat.

   (2) Jika Ketua Pendaftar berpuas hati dengan perkiraan itu, Ketua Pendaftar bolehlah meluluskan perkiraan itu dengan mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya perlu.

   (3) Lembaga Pengarah hendaklah memaklumkan kepada Ketua Pendaftar tentang apa-apa penyelesaian perkiraan itu dalam masa tiga bulan selepas perkiraan itu dimuktamadkan.

   (4) Sebelum penutupan sesuatu institusi pendidikan tinggi swasta itu, Ketua Pendaftar hendaklah berpuas hati bahawa:

b. segala perkiraan yang diluluskan mengikut subperaturan 3(2) telah dilaksanakan dengan sempurnanya;

   c. semua kursus pengajian atau program latihan ditamatkan; dan

   d. semua kegiatan institusi itu dihentikan.

4. Ketua Pendaftar hendaklah memotong daripada Daftar institusi pendidikan tinggi swasta yang telah ditutup di bawah Akta.